

## **APLIKASI MAQASID SYARIAH DI DALAM PENENTUAN HUKUM PEMBERIAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM**

RAZIZI TARMUJI

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu, Sabah.  
e-mail : raziz106@sabah.uitm.edu.my,*

### **ABSTRAK**

Maqasid Syariah ataupun Objektif Syariah merupakan komponen penting Syariah Islam bagi memastikan setiap hukum syarak yang dikeluarkan oleh ulama menepati kehendak Syariah itu sendiri iaitu untuk mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan bagi manusia. Pengabaian elemen Maqasid Syariah dalam penentuan hukum boleh menyebabkan sesuatu hukum itu jauh dari semangat Syariah. Zakat merupakan ibadat harta yang wajib ditunaikan oleh orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Harta zakat yang dikumpul itu hendaklah diagihkan kepada golongan yang layak menerimanya iaitu golongan asnaf yang lapan sebagaimana digariskan dalam Surah al-Taubah ayat 60 iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fi sabili llah dan ibn sabil. Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan mengenai pemberian zakat kepada golongan bukan Islam samada sebagai asnaf fakir, miskin ataupun mualaf. Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama mazhab mengenai hukum pemberian zakat kepada mereka. Justeru Maqasid Syariah wajar diaplikasikan dan diterapkan dalam proses mengeluarkan hukum yang paling sesuai dalam isu ini berdasarkan dalil dan faktor suasana semasa. Kaedah perbandingan dilakukan terhadap pandangan ulama khususnya dari empat mazhab fiqh iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Secara umumnya, memberi zakat kepada bukan Islam hukumnya adalah harus dengan mengambil kira beberapa syarat-syarat yang tertentu bagi memastikan hukum keharusan ini benar-benar menepati Maqasid Syariah.

Kata kunci : maqasid syariah, pemberian zakat, bukan Islam

### **1. Pengenalan**

Salah satu tujuan Syariah adalah untuk mendatangkan *maslahah* (kebaikan) kepada manusia dan menolak kemudaratan dari menimpa manusia samada di dunia ataupun di akhirat. Malahan tujuan Syariah ini juga untuk mencegah manusia daripada terlibat dengan perkara yang salah seperti rasuah, mencuri dan membunuh. Bahkan jika dikaji banyak ayat al-Quran yang memerintahkan sesuatu perkara dan diberitahu tujuan perkara tersebut diwajibkan. Contohnya firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan” (Surah al-Ankabut 29:45)

Oleh itu, setiap hukum dalam Islam mengandungi hikmah dan tujuan yang secara umumnya untuk mendatangkan *maslahah* kepada manusia. Jika berlaku pertentangan antara mengambil *maslahah* dan menolak kemudaratan, maka menolak kemudaratan adalah lebih diutamakan berbanding mengambil *maslahah* (Chapra, 2008).

Antara kepentingan Maqasid Syariah ialah dapat menentukan peringkat *maslahah* ataupun kemudaratan yang wujud dalam satu-satu masalah untuk membolehkan ulama mengeluarkan hukum. Selain itu Maqasid Syariah dapat membantu untuk mengenalpasti objektif di sebalik setiap hukum supaya dengannya para ulama mampu mengeluarkan hukum yang tepat disamping

dapat mengurangkan risiko tersilap di dalam ijtihad (Lahsasna, 2013). Al-Syatibi (2001) menyatakan bahawa kesilapan ulama di dalam *ijtihad* adalah kerana mereka mengabaikan Maqasid Syariah dalam permasalahan fiqah.

## 2. Definisi Maqasid Syariah

Syariah dari aspek bahasa bermaksud jalan yang membawa kepada sumber air (Al-Razi, 1993). Dari segi istilah syariah bermaksud undang-undang dan suruhan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap manusia. Syariah merujuk kepada suruhan, larangan, panduan dan prinsip yang telah ditentukan oleh Allah SWT terhadap perbuatan manusia di dunia dan keselamatan mereka di akhirat kelak (Lahsasna, 2013).

Manakala terdapat pelbagai definisi Maqasid Syariah yang diberikan oleh para ulama silam dan kontemporari. Terdapat ramai pengkaji berusaha mendapatkan pengertian yang terbaik untuk istilah maqasid. Mereka mengemukakan ungkapan ulama terdahulu dan pengertian yang dicadangkan oleh ulama kontemporari (Zaharuddin, 2014). Berikut merupakan antara definisi Maqasid Syariah oleh ulama silam:-

- Imam Ghazali menyatakan: “Maksud *maslahah* pada asalnya ialah mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Namun ia bukan apa yang saya maksudkan di sini, kerana mendatangkan manfaat dan menolak mudarat adalah kepentingan dan manfaat kepada manusia dalam mencapai matlamat mereka. Apa yang saya maksudkan dengan *maslahah* ialah memelihara tujuan Allah SWT. Terdapat lima tujuan Allah SWT terhadap manusia iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka. Apabila hilang tujuan di atas, maka berlakulah kerosakan. Manakala menjaganya pula adalah satu *maslahah*” (Al-Ghazali, 1995).
- Imam Al-`Izz ibn Abdul Salam menyatakan: “Tujuan saya menulis kitab ini adalah bagi menerangkan manfaat dan kebaikan di sebalik segala bentuk ketaatan, muamalat dan tingkah laku manusia supaya mereka berusaha mencapainya selain menjelaskan kesalahan yang perlu dijauhi” (Al-`Izz, 1999).
- Imam al-Syatibi menyatakan: “Oleh itu jelaslah yang tujuan Allah SWT menetapkan syariah adalah bagi memberi kebaikan di dunia dan akhirat. Allah SWT menjadikan tujuannya kebaikan semata-mata. Maka sudah pasti kebaikan yang dijanjikan Allah SWT dalam syariahNya itu bersifat kekal dan umum, serta meliputi kesemua perintahNya, semua hambaNya yang mukalaf dan pada setiap keadaan” (Al-Syatibi, 2001).

Berikut merupakan definisi Maqasid Syariah yang dikemukakan oleh ulama kontemporari:-

- Ibn `Asyur menyatakan: “Makna dan hikmah yang diperhatikan oleh syarak dalam setiap keadaan pensyariatan ataupun sebahagian besarnya. Pemerhatiannya itu tidak terbatas kepada jenis tertentu daripada hukum-hukum syarak” (Ibn `Asyur, 2001).
- `Alal al-Fasi menyatakan: “Apa yang dimaksudkan dengan Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan pensyariatan dan rahsia yang Allah SWT tentukan untuk setiap hukum” (`Alal al-Fasi, 1993).
- Dr Yusuf al-Qaradhawi menyatakan: “Maqasid Syariah ialah mendatangkan *maslahah* (kebaikan) kepada manusia dan menolak kemudarat” (Al-Qaradhawi, 2001).
- Dr Ahmad al-Raisouni menyatakan: “Maqasid Syariah ialah tujuan yang ditentukan oleh syariah dan ia perlu dicapai demi kebaikan manusia” (Al-Raisouni, 2003).

Seperti yang dapat diperhatikan di atas, kesemua definisi Maqasid Syariah samada yang diberikan oleh ulama silam ataupun kontemporari memfokuskan kepada intipati maqasid itu sendiri. Begitu juga usaha ulama kontemporari untuk memberikan definisi Maqasid Syariah dengan pemilihan perkataan dan susunan bahasa yang lebih mudah difahami. (Zaharuddin, 2014). Bahkan, definisi maqasid syariah samada yang diberikan oleh ulama silam ataupun

kontemporari kebanyakannya berkisar kepada konsep penerimaan *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (mudarat).

### **3. Pembahagian Maqasid Syariah**

Terdapat pelbagai cara pembahagian Maqasid Syariah yang dikemukakan oleh para ulama. Namun begitu pembahagian yang paling banyak digunakan oleh ulama dalam perbahasan Maqasid Syariah ialah pembahagiannya kepada *dharuriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*.

*Dharuriyyat* ialah keperluan sesuatu *maslahah* yang diperlukan dan dihajati sehingga ke tahap darurat iaitu satu keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang berbahaya dan mengancam nyawa seseorang apabila luputnya keperluan tersebut. *Dharuriyyat* terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Al-'Izz, 1999).

*Hajiyat* pula pada peringkat kedua penting di dalam Maqasid Syariah. Ianya merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekaligus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kepada kesusahan (Al-Syatibi, 2001).

Peringkat terakhir sekali ialah *tahsiniyyat*. Ia adalah pembantu dalam usaha mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas juga bersifat pelengkap kepada pencapaian *hajiyat* dan *dharuriyyat* (Al-Ghazali, 1995).

Oleh itu, pemahaman konsep maqasid syariah dalam penentuan hukum syarak terutamanya dalam kondisi masyarakat yang sentiasa berubah amatlah penting bagi memastikan hukum syarak yang dikeluarkan itu benar-benar dapat mendatangkan *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan).

Contohnya hukum membayar zakat bukan dari jenis harta yang wajib dibayar zakat. Majoriti mazhab fiqh tidak membenarkannya. Maka zakat ternakan hendaklah dibayar dengan hasil ternakan tersebut, zakat pertanian dibayar dengan hasil pertanian tersebut dan seumpamanya. Hanya mazhab Hanafi yang membenarkan pembayaran zakat dengan nilainya sahaja samada dalam bentuk wang dan lain-lain (Al-Qaradhawi, 2001). Pandangan inilah juga yang dipegang oleh kebanyakan ulama seluruh dunia pada hari ini sekalipun pada masa silam ianya merupakan pandangan minoriti ulama kerana ternyata pembayaran zakat dengan wang dalam kebanyakan situasi pada zaman ini lebih mendatangkan *maslahah* dengan memudahkan urusan kutipan dan agihan zakat dan juga mengelak *mafsadah* pertambahan kos logistik dan lain-lain jika kutipan zakat hanya dibenarkan pada jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat sahaja.

#### **4. Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Penentuan Hukum Pemberian Zakat Kepada Golongan Bukan Islam Menurut Mazhab Fiqah**

Islam telah menggariskan golongan yang layak menerima zakat. Sebanyak lapan golongan (asnaf) layak menerimanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (Surah Al-Taubah 09:60)

Oleh itu, harta zakat tidak boleh diberikan kepada selain daripada lapan golongan asnaf. Maka para ulama amat berhati-hati dalam menentukan golongan yang benar-benar layak menerima zakat. Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama samada golongan bukan Islam boleh menerima zakat. Secara umumnya, para ulama bersepakat bahawa golongan kafir *harbi* dan murtad tidak boleh diberikan harta zakat ( Al-Qaradhawi, 2001). Ini berdasarkan firman Allah Taala yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah hanyalah mlarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”. (Surah al-Mumtahanah 60:09)

Namun begitu terdapat perbezaan pandangan ulama mengenai hukum pemberian zakat kepada golongan kafir zimmi. Para ulama apabila membincangkan tentang pemberian zakat kepada kafir zimmi, golongan ini dibahagikan kepada dua kategori asnaf iaitu fakir miskin dan mualaf.

##### **4.1. *Kafir zimmi di dalam kategori fakir dan miskin***

Majoriti ulama berpandangan tidak boleh diberikan zakat kepada bukan Islam samada golongan kafir *harbi* ataupun *zimmi* sehingga Ibn Mundhir mengatakan bahawa telah berlaku ijma' di kalangan umat Islam bahawa tidak sah membayar zakat harta kepada golongan kafir zimmi (Al-Nawawi, t.th). Hujah mereka berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan kepada mereka sedekah (zakat) yang diambil dari orang kaya dari kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir dari kalangan mereka” (Sahih Al-Bukhari, 1400 H).

Di dalam hadith ini, Nabi Muhammad menyuruh supaya diberikan zakat kepada golongan fakir daripada harta golongan kaya dari kalangan mereka sendiri iaitu orang Islam. Maka tidak boleh diberikan zakat kepada selain orang Islam ( Al-Qaradhawi, 2001).

Tetapi dakwaan berlakunya ijma' yang disebut oleh Ibn Mundhir ini boleh dipertikaikan. Ini kerana terdapat ulama seperti Ibn Sirin dal Al-Zuhri yang mengharuskan pemberian zakat kepada bukan Islam (Al-Nawawi, t.th). Pendapat yang sama juga dibawa oleh Zufar, iaitu anak murid Imam Abu Hanifah yang mengharuskan pemberian zakat kepada kafir zimmi (Al-

Sarakhsyi, t.th). Begitu juga `Ikrimah yang mentafsirkan istilah miskin di dalam Surah Al-Taubah ayat 60 sebagai miskin dari kalangan ahli kitab (Al-Tabari, t.th).

Al-Qaradhawi (2001) berpendangan bahawa secara asasnya zakat hendaklah diberikan kepada golongan fakir dan miskin dari kalangan orang Islam. Tetapi tiada halangan untuk diberikan juga zakat kepada golongan fakir dan miskin dari kalangan bukan Islam jika harta zakat tersebut adalah banyak dan pemberian zakat kepada bukan Islam itu tidak mendatangkan mudarat kepada orang Islam.

#### **4.2. Kafir zimmi di dalam kategori mualaf**

Terdapat pelbagai tafsiran asraf mualaf samada orang Islam ataupun yang bukan Islam, antaranya:-

- Orang yang ada harapan memeluk Islam dengan pemberian zakat tersebut.
- Orang yang baru memeluk Islam. Maka pemberian zakat tadi untuk menguatkan imannya terhadap Islam.
- Bukan Islam bagi mengelak kejahatannya
- Orang Islam yang tinggal di pedalaman dan bersempadan negara musuh. Pemberian zakat tadi untuk mereka mempertahankan diri jika diserang musuh.

Manakala definisi mualaf mengikut Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), hanya Sarawak dan Pulau Pinang sahaja yang memasukkan orang bukan Islam di dalam pentakrifan mereka. Manakala negeri-negeri yang lain seperti Sabah, Selangor dan Johor tidak memasukkan bukan Islam dalam definisi asraf mualaf (Othman S. & Luqman A.).

Bagi asraf mualaf, para ulama berbeza pandangan samada asraf ini masih wujud lagi ataupun sudah dimansuhkan yang mana pandangan mereka boleh dibahagikan kepada tiga kelompok (Al-Mausu`ah al-Fiqhiyyah, 1992):-

- Asraf mualaf masih wujud lagi sampai hari ini. Ini merupakan pandangan mazhab Hanbali. Ia juga merupakan pandangan yang utama dalam mazhab Maliki dan Syafie.
- Asraf mualaf sudah dimansuhkan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW kerana Islam sudah berkembang pesat. Tetapi jika ada keperluan untuk memberikan zakat kepada asraf mualaf dalam sesetengah keadaan, maka diharuskan. Ini merupakan salah satu pandangan di dalam mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali.
- Asraf mualaf sudah tidak wujud sama sekali. Ini merupakan pandangan mazhab Hanafi.

Ibn Taymiyyah (2005) menyatakan bahawa sebahagian manusia menyangka bahawa Saidina Umar ibn al-Khattab RA telah memmansuhkan asraf mualaf pada zamannya. Tetapi pandangan ini adalah tersilap. Saidina Umar ibn al-Khattab RA tidak memberi zakat kepada asraf mualaf kerana tiada keperluan pada zamannya selepas Islam telah berkembang. Tetapi jika ada keperluan, maka tiada masalah memberi zakat kepada asraf mualaf.

Ini merupakan pandangan yang paling dekat dengan konsep Maqasid Syariah yang beredar pada aspek menerima *maslahah* dan menolak kemudarat. Hanya pemerintah yang berhak memberi dan menentukan kadar zakat yang ingin diberikan kepada asraf mualaf berdasarkan pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* sesuai dengan satu kaedah fiqh *tasarruf al-imam manut bi al-maslahah* (Polisi pentadbiran seseorang pemerintah hendaklah berdasarkan *maslahah*). Jika pihak pemerintah lalai dalam menjalankan tanggungjawab ini maka pertubuhan Islam boleh mengambil alih tugas mengagih zakat kepada golongan asraf (Al-Qaradhawi, 2001). Dalam konteks Malaysia, pihak pemerintah yang dimaksudkan adalah MAIN. MAIN bertanggungjawab membuat penilaian keperluan agihan zakat kepada mualaf.

Seterusnya para ulama berbeza pandangan mengenai hukum keharusan memberi zakat kepada asnaf mualaf ketika mereka masih lagi dalam keadaan kafir. Pandangan para ulama ini boleh dibahagikan kepada tiga (Al-Mausu`ah al-Fiqhiyyah, 1992):-

- Harus diberikan zakat kepada mereka sebagai galakan untuk memeluk Islam. Oleh itu, jika mereka sudah memeluk Islam, maka tidak boleh diberikan zakat. Ini merupakan satu pandangan dalam mazhab Maliki.
- Tidak boleh diberikan zakat kepada mereka. Ini merupakan satu pandangan dalam mazhab Syafie.
- Harus diberikan zakat kepada asnaf mualaf samada ketika mereka sudah masuk Islam ataupun masih lagi bukan Islam. Ini merupakan satu pandangan dalam mazhab Hanbali.

Ulama yang mengharuskan pemberian zakat kepada asnaf mualaf yang bukan Islam iaitu ulama mazhab Maliki dan Hanbali, mereka berdalilkan hadith Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Sofwan ibn Umayyah berkata “Demi Allah, Nabi Muhammad telah memberi aku harta dengan banyak sekali. Dahulu beliau adalah orang yang paling aku benci, namun beliau selalu memberi harta kepadaku sehingga baginda menjadi orang yang paling aku sayangi sekarang.” (Sahih Muslim, t. th).

Hadith ini menunjukkan Nabi Muhammad SAW pernah memberi zakat kepada Safwan ibn Umayyah ketika beliau masih kafir lagi dalam kategori asnaf mualaf selepas perang Hunain bagi menjinakkan hatinya untuk memeluk Islam. Tetapi al-Syafie (2001) yang tidak membenarkan pemberian zakat kepada bukan Islam berpandangan bahawa Nabi Muhammad SAW memberikan harta kepada bukan Islam bukan menggunakan wang zakat tetapi sebaliknya al-fai` (harta rampasan perang) dan harta baginda sendiri.

Pandangan yang terakhir merupakan pandangan yang lebih mendekati konsep Maqasid Syariah. Pandangan ini juga yang dipegang sebahagian ulama kontemporari seperti Al-Syaukani (t.th), Al-Qaradawi (t.th) dan Al-Asyqar (2004). Razizi Tarmuji (2016) pula dalam kajiannya mengenai pemberian zakat kepada pelajar bukan Islam di UiTM Cawangan Sabah berpendapat harus diberikan zakat kepada mereka berdasarkan kategori asnaf yang sesuai seperti fakir, miskin ataupun mualaf. Lebih-lebih lagi apabila pihak universiti mempunyai dana zakat yang agak besar hasil sumbangan dari pelbagai pihak seperti Pusat Zakat Sabah (PZS) dan badan-badan korporat.

Malah penekanan kepada aspek *maslahah* dapat dilihat pada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007. Muzakarah telah memutuskan bahawa pengagihan zakat perlu diberi keutamaan kepada umat Islam mengikut asnaf-asnaf yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pemerintah diharuskan memberi zakat kepada bukan Islam berdasarkan *siasah* dan keperluan secara hikmah bagi tujuan dakwah (JAKIM, 2015).

Pemberian zakat kepada bukan Islam juga mempunyai beberapa kesan positif. Antaranya dapat memberi imej positif kepada Islam dan umatnya khususnya pada zaman ini di mana imej Islam sering dimomokkan dengan pelbagai gambaran yang negatif.

Selain itu, penganjuran program yang berbentuk khidmat masyarakat dan kebajikan terutamanya dalam kalangan masyarakat bukan Islam dapat menarik hati mereka supaya memeluk Islam. Penting sekali bagi Muslim untuk menunjukkan contoh teladan yang baik dan membantu mereka supaya kekal hatinya di dalam Islam (Nuruul H. M., 2014).

Menurut Selamat Amir *et al.* (2013) antara langkah untuk menggalakkan pengukuhan roh Islam dalam kalangan masyarakat ialah melalui peningkatan dan penambahbaikan kemudahan

dan komoditi yang merangkumi keperluan asas seperti bekalan elektrik, kemudahan infrastruktur, sekolah, dan sebagainya sama ada di kawasan penempatan Muslim ataupun bukan Islam. Terdapat banyak kes yang turut melibatkan masyarakat Muslim kembali kepada agama asal masing-masing apabila keperluan hidup mereka gagal dipenuhi oleh pihak berwajib. Oleh sebab itu, pengagihan zakat yang berkesan dan sistematik di samping pelaksanaan program-program yang bersesuaian diperlukan bagi menggalakkan saudara baru ini kekal beragama Islam.

Berdasarkan amalan yang dilakukan oleh sebahagian MAIN contohnya di Kelantan, program dakwah kepada bukan Islam khususnya dakwah kepada orang asli dilaksanakan oleh Unit Dakwah, Majlis Agama Islam Kelantan dengan menggunakan peruntukan wang zakat. Begitu juga Unit Ukhluwwah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor turut memberi saguhati berbentuk makanan dan sebagainya kepada ketua keluarga dan Tok Batin yang belum Islam sebagai salah satu cara memikat mereka untuk menerima Islam walaupun tiada peruntukan khas yang disediakan untuk pemberian kepada orang bukan Islam (Othman S. & Luqman A.).

## **5. Kesimpulan**

Secara umumnya, para ulama pelbagai mazhab mempunyai perbezaan pandangan berkenaan dengan hukum pemberian zakat kepada golongan bukan Islam. Bagi ulama yang membenarkan pemberian zakat kepada bukan Islam pula, agihan zakat adalah melalui asnaf fakir, miskin dan mualaf dengan meletakkan beberapa syarat yang tertentu bagi memastikan pemberian zakat tadi benar-benar mendatangkan *maslahah* bagi agama Islam dan umatnya.

Manakala dari segi amalan yang dilakukan oleh MAIN, hanya beberapa MAIN yang memberikan agihan zakat kepada bukan Islam melalui asnaf mualaf sepertimana yang dilaksanakan di negeri Kelantan dan Johor.

Oleh kerana isu ini masih lagi dalam ruang lingkup *ijtihad* yang dibenarkan dalam Islam, maka menjadi tanggungjawab para ulama untuk mengeluarkan hukum yang bersesuaian dengan kondisi masyarakat setempat berdasarkan kaedah fiqh *Ikhtilaf al-fatwa bi ikhtilaf al-zaman wa al-makan* (Suatu fatwa boleh berubah dengan berubahnya suasana dan tempat) agar hukum yang dikeluarkan itu benar-benar memenuhi Maqasid Syariah.

Begitu juga perlu difahami bahawa pandangan sebahagian ulama yang mengharuskan pemberian zakat kepada golongan bukan Islam ini masih lagi tertakluk kepada beberapa syarat agar pemberian ini benar-benar memberi manfaat bagi agama dan umat Islam sekaligus menepati Maqasid Syariah. Malah pemberian zakat ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu medium dakwah kepada umat Islam dan bukan Islam.

## **Rujukan**

- Al-Quran al-Karim.  
`Alal al-Fasi (1993). *Maqasid al-Syariah wa Makarimuha*. Beirut-Lubnan: Dar al-Gharb al-Islami.  
Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Darul Fikr.  
Abu Husain, Muslim ibn Hajjaj (2013). *Sahih Muslim*. Maktabah Talib al-'Ilm: Damsyik.  
Al- Razi (1993). *Tartib Mukhtar al-Sihah*. Syria: Dar al-Fikr.  
Al-'Izz, Abdul Aziz, Abdul Salam (1999). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Al-Asyqar, Umar Sulaiman (2004). Ta'lif al-Qulub `ala al-Islam bi Amwal al-Sadaqat, dalam *Abhath Fiqhiyyah fi Qadhyah al-Zakah al-Mu`asirah*. Lebanon: Dar al-Nafa'is.  
Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail (1400H). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Matba`ah al-Salafiyyah.  
Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad (1995). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Arqam ibn Abi al-Arqam.  
Al-Nawawi, Muhyiddin ibn Syaraf (t.th.). *Al-Majmu` Syarh al-Muhadhdhab*. Jil. 6. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

- Al-Qaradhawi, Yusof ibn Abdullah (2001). *Fiqh al-Zakah*. Jil. 2. Beirut, Lebanon: Maktabah al-Risalah.
- Al-Raisouni, Ahmad (2003). *Nazariyyat al-Maqasid `inda al-Imam al-Syatibi*. Rabat, Maghribi: Dar al-Aman.
- Al-Sarakhsyi, Muhammad ibn Ahmad (t.th.). *Al-Mabsut*. Jil. 2. Beirut, Lebanon: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Syafie, Muhammad ibn Idris (2001). *Al-Umm*. Jil 1. Kaherah: Matba`ah al-Wafa`.
- Al-Syatibi, Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad (2001). *Al-Muwafaqat*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Syaukani, Muhammad ibn Ali ibn Muhammad (t.th.). *Nail al-Awtar*. Jil. 4. Mesir: Al-Halbi.
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir (t.th.). *Tafsir al-Tabari*. Jil. 14. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Chapra, M.U. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Shariah*. Washington: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Ibn `Asyur, Muhammad Tahir `Asyur (2001). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Amman, Jordan: Dar al-Nafais.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn Abdul Halim (2005). *Majmu`ah al-Fataawa*. Jil.33. Mansoura, Mesir: Dar al-Wafa`.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Kuwait, Kementerian Wakaf dan Agama (1992). Zakat. Dalam *Al-Mausu`ah al-Fiqhiyyah*. (Jil. 23, hlm. 319). Kuwait: Kementerian Wakaf dan Agama.
- Lahsasna, Ahcene (2013). *Maqasid al-Shariah in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Nuruul H. M. et al. Pemerksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam dalam prosiding *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014* pada 20 November 2014 di Universiti Malaysia Sabah.
- Othman Sahalan & Luqman Abdullah (2014). Pengurusan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Johor: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh* **11**: 29-45.
- Razizi Tarmuji. Hukum Pemberian Zakat Kepada Bukan Islam Dalam Konteks Pelajar UiTM Cawangan Sabah, Malaysia dalam prosiding *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-9, 2016* pada 06 dan 07 September 2016 di Rattan Inn, Banjarmasin, Indonesia.
- Selamat Amir et al. (2013). Islam and Muslim in Multi-religious Society: Realities and Challenges in Sabah, Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* **13** (2): 145-153.
- Zaharuddin Abd Rahman (2014). *Fiqh Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publications.